

26/09/1999

IPF ikrar bantu BN

KUALA LUMPUR: Parti Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF) berikrar untuk bukan saja memberi sokongan penuh kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang, bahkan akan bekerja keras bagi memastikan kemenangannya.

Presidennya, MG Pandithan, berkata walaupun permohonan parti itu untuk menyertai BN masih menerima halangan daripada MIC yang juga parti komponen BN, ia tidak menyekat mereka untuk menyertai jentera pilihan raya BN.

"Kami berikrar akan bekerja keras untuk membantu BN mencatat kemenangan besar pada pilihan raya akan datang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perhimpunan khas IPF peringkat Selangor, di sini, semalam.

Turut hadir ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Perhimpunan bertema 'Ke Arah Mencatat Kejayaan Cemerlang' adalah yang pertama bagi siri jelajah Malaysia oleh IPF, bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai kegawatan politik dan ekonomi yang melanda Malaysia sejak dua tahun lalu.

Di samping itu, semua ahli IPF Selangor turut berikrar untuk terus memberi sokongan padu kepada kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan BN.

Mengenai usaha untuk menyertai BN, Pandithan berkata: "Kami akan terus menunggu (untuk menyertai BN) walaupun sehingga 100 tahun lagi. Kami sedia untuk meneruskan perjuangan hingga suatu hari nanti pucuk pimpinan BN akan mengambil keputusan positif terhadap IPF."

IPF adalah parti serpihan MIC yang ditubuhkan pada 1990 dan memohon untuk menyertai BN sejak 1995, bagaimanapun usaha IPF untuk menyertai BN sejak 1995 dibantah oleh MIC. Pandithan pula adalah bekas Naib Presiden MIC, yang dipecat atas tindakan disiplin pada 1988.

Pada perhimpunan agung IPF Ogos lalu, Pandithan pernah mencadangkan supaya sistem permuafakatan yang mensyaratkan semua parti komponen BN bersetuju sebulat suara terhadap sebarang permohonan menyertai gabungan itu, dihapuskan. Beliau berkata, ini adalah kerana sistem itu menjadi penghalang kepada hasrat IPF untuk menyertai BN.

Berdasarkan sistem permuafakatan, kemasukan mana-mana parti politik ke dalam gabungan BN perlu mendapat sokongan sebulat suara daripada semua parti komponen.

(END)